

**FAKTOR HALANGAN PENGLIBATAN ORANG ASLI DALAM PROJEK
PEMBANGUNAN DI KAMPUNG BAWONG, PERAK**

WAN FATIMAH BINTI HAJI YA'AKOB

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKTOR HALANGAN PENGLIBATAN ORANG ASLI DALAM PROJEK
PEMBANGUNAN DI KAMPUNG BAWONG, PERAK

WAN FATIMAH BINTI HAJI YA'AKOB

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Penulisan Tesis ini saya tujukan kepada ibu, ayah termasuk ibu dan ayah mertua serta semua pensyarah yang telah membimbing dan mendedahkan saya dengan pelbagai ilmu dan kebijaksanaan untuk menjayakan penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada suami dan anak-anak yang sentiasa menyokong dan menceriaikan keadaan sepanjang masa. Rasa syukur juga dipanjatkan kepada Allah SWT kerana memberikan segala nikmat kepada kita semua.

This thesis is dedicated to my father, mother; including in-law, and all my lecturers, who taught me that the best kind of knowledge to have is that which is learned for its own sake. It is also dedicated to my husband and family, who always supports me all the the time. Thanks Allah SWT, Alhamdulillah for everything Allah has blessed us with.

PENGHARGAAN

Dalam usaha penyediaan tesis ini saya telah berhubung dengan pelbagai pihak, pengkaji dan akademik. Mereka semua telah memberikan sumbangan idea, pendapat dan pemahaman saya terhadap penghasilan nukilan penulisan ini. Saya ingin merakamkan penghargaan jutaan terima kasih kepada penyelia utama tesis yang saya sanjungi iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria kerana bimbingan, galakan, persahabatan, motivasi dan kritikan yang membina dalam penghasilan nukilan penulisan ini. Tidak dilupakan juga Dr. Salfarina binti Samsudin dan Dr. Norhidayah Md Yunus yang merupakan panel penilai atas nasihat, kritikan dan bimbingan dalam penyediaan penulisan laporan kajian ini. Tanpa bimbingan, sokongan dan panduan mereka, penulisan ini sukar disempurnakan seperti mana kini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memberikan pembiayaan pengajian Sarjana ini. Penghargaan juga diucapkan kepada Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas bantuan membekalkan rujukan bagi kajian ini. Penghargaan juga diucapkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput atas bantuan maklumat dan data bagi kajian ini. Penghargaan juga diucapkan kepada semua rakan pelajar sarjana atas sokongan semangat dan perkongsian maklumat serta pengalaman dalam penyediaan kertas ini. Segala pandangan dan petua yang diberikan amat berharga dan dihargai. Tidak dilupakan juga jutaan penghargaan dan terima kasih kepada keluarga, saudara dan sahabat serta kenalan yang telah memberikan semangat dan sokongan menyempurnakan pengajian sarjana ini.

ABSTRAK

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang melibatkan pelbagai agensi dan swasta di kawasan Orang Asli. Namun begitu, matlamat untuk meningkatkan sosioekonomi Orang Asli tidak tercapai sepenuhnya kerana terdapat jurang komunikasi antara Orang Asli dengan pelbagai pihak dalam menyampaikan hasrat mereka untuk penambahbaikan projek pembangunan agar menepati budaya Orang Asli yang diamalkan sejak turun temurun. Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji faktor halangan Orang Asli dalam penglibatan projek pembangunan tanah. Kaedah temubual bersama dengan 3 orang Tok Batin dan 5 orang wakil penduduk kampung dibuat bagi mendapatkan faktor halangan untuk melibatkan diri dalam projek pembangunan tanah. Hasil analisis yang dibuat secara deskriptif menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor dalaman yang menjadi halangan untuk mereka terlibat dalam proses pembangunan. Dicadangkan agar agen pembangunan lebih memahami budaya Orang Asli supaya masyarakat ini dapat mengatasi faktor halangan arah penglibatan projek pembangunan secara lebih aktif. Diharapkan dengan adanya kajian ini pandangan sebenar dari kalangan Orang Asli dapat disediakan supaya halangan penglibatan dapat diatasi.

ABSTRACT

The government has implemented various development projects involving various agencies and the private sector in the Orang Asli area. However, the goal of improving the socio-economy of the Orang Asli has not been fully achieved as there is a communication gap between the Orang Asli and various parties in conveying their desire for improvement of development projects to meet the Orang Asli culture practiced for generations. This study was conducted to examine the barriers of Orang Asli in the involvement of land development projects. The interview method with 3 Tok Batin and 5 representatives of the villagers was made to get the barrier factor to get involved in the land development project. The results of the descriptive analysis show that there are several internal factors that hinder them from being involved in the development process. It is suggested that development agents better understand Orang Asli culture so that this community can overcome the obstacles to the direction of development project involvement more actively. It is hoped that with this study, real views from the indigenous people can be provided so that barriers to involvement can be overcome.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Pihak Pelaksana	7
	1.6.2 Syarikat pembangunan	8
	1.6.3 Orang Asli	8
	1.6.4 Orang ramai, pembaca dan pengkaji yang lain	9
	1.7 Metodologi Kajian	9
	1.7.1 Peringkat Perancangan, Kajian Awalan dan Teorikal	9
	1.7.2 Peringkat Pengumpulan Maklumat dan Data	10
	1.7.3 Populasi dan Sampel Kajian	10
	1.7.4 Kualitatif (Temu bual)	11
	1.7.5 Pengumpulan Data	11

1.7.6	Temu bual semi struktur	11
1.7.7	Pembentukan Soalan Temu Bual	12
1.7.8	Peringkat Analisis Kajian	12
1.7.9	Peringkat Kesimpulan Dan Cadangan	13
1.8	Susunatur Bab	14
1.8.1	Bab Satu : Pengenalan	14
1.8.2	Bab Dua : Kajian Literatur	14
1.8.3	Bab Tiga : Projek di Bawong, Sungai Siput (U), Perak	15
1.8.4	Bab Empat : Perbincangan (Analisis Data)	15
1.8.5	Bab Lima : Kesimpulan dan Cadangan	15
BAB 2	PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGLIBATAN MASYARAKAT ORANG ASLI	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Pelaksanaan Projek Pembangunan	18
2.3	Projek Pembangunan di Malaysia	19
2.4	Penglibatan Orang Asli Dalam Perancangan Pembangunan	20
2.6	Kepentingan penglibatan Orang Asli dalam Projek Pembangunan	21
2.7	Permasalahan dalam penglibatan Orang Asli	23
2.8	Penambahbaikan Prasarana Kemudahan Sosial Orang Asli	24
2.9	Rumusan	26
BAB 3	PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWONG, SUNGAI SIPUT UTARA (U), PERAK	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Projek Pembangunan Orang Asli di Bawong, Sungai Siput (U)	30
3.3	Manfaat kepada penduduk sekitar	39
3.4	Rumusan	41
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	42

4.3	Analisis Kajian	43
4.4	Latar belakang Responden	44
4.5	Keperluan Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Projek Pembangunan	46
4.6	Faktor-faktor Halangan Penglibatan Masyarakat Orang Asli dalam Projek Pembangunan	47
4.6.1	Terasa Terancam	47
4.6.2	Masyarakat Yang Merasa Rendah Diri	49
4.6.3	Tidak Sensitif Budaya Orang Asli	49
4.6.4	Budaya Orang Asli	50
4.6.5	Tiada Penglibatan Secara Menyeluruh	50
4.6.6	Pengalaman Tiada Maklumbalas Mempengaruhi Penglibatan Orang Asli pada Masa Hadapan	51
4.6.7	Maklumat yang sukar Disampaikan	51
4.7	Rumusan	52
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	54
5.1	Pengenalan	54
5.2	Penemuan Kajian	54
5.2.1	Penemuan Kajian	54
5.2.1.1	Penemuan Objektif 1 : Mengenalpasti Permasalahan Penglibatan Orang Asli Dalam Projek Pembangunan	54
5.2.1.2	Penemuan Objektif 2: Faktor Halangan Orang Asli Dalam Penglibatan Projek Pembangunan Tanah	55
5.3	Cadangan Kajian	57
5.3.1	Pembangunan Terkawal	57
5.3.2	Penyediaan Dokumen Di Awal Projek	57
5.3.3	Pemakluman dan Penglibatan Dari Peringkat Awal Projek	58
5.3.4	Penglibatan Dalam Pembuatan Keputusan	58
5.3.5	Penyaluran Maklumat Yang Telus	59
5.3.6	Kemudahan Prasarana Yang Sama Rata	59
5.4	Limitasi Kajian	60
5.4.1	Kawasan Kajian	60
5.4.2	Responden	60

5.5	Kajian Lanjutan	61
5.6	Kesimpulan	62
BIBLIOGRAFI		65

SENARAI JADUAL

TABLE NO.	TITLE	PAGE
Jadual 2.1	Objektif Pembangunan	18
Jadual 2.2	Fasa Pembangunan Malaysia	20
Jadual 3.1	Pembahagian pentadbiran Mukim Sungai Siput	29
Jadual 3.2	Objektif Pentadbiran Mukim	30
Jadual 3.3	Fasa Pembinaan Mini RTC Kampung Bawong	30
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden	45

SENARAI RAJAH

NO RAJAH.	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Carta Alir Peringkat Metodologi Kajian	13
Rajah 3.1	Kedudukan Negeri Perak dalam Malaysia	27
Rajah 3.2	Peta Negeri Perak	28
Rajah 3.3	Peta Projek Jalan di sekitar Bawong	29
Rajah 3.4	Pusat pentadbiran dan gerai jualan	32
Rajah 3.5	Terminal bas	32
Rajah 3.6	Dewan	33
Rajah 3.7	Pejabat koko	33
Rajah 3.8	Pondok Polis	34
Rajah 3.9	Pemandangan sekitar RTC Bawong	34
Rajah 3.10	Pemandangan sekitar RTC Bawong dari jalan raya	35
Rajah 3.11	Projek Jalan di sekitar Bawong	36
Rajah 3.12	Projek Jalan di sekitar Bawong	37
Rajah 3.13	Projek Jalan di sekitar Bawong (Persimpangan Utama, Pos Piah, Pos Yum, Pos Kuala Mu dan RPS Legap)	38
Rajah 3.14	Majlis Penyerahan Projek RTC Bawong	39
Rajah 4.1	Kategori responden	44
Rajah 4.2	Kefahaman Tentang Keperluan Penglibatan	46
Rajah 4.3	Kerisauan Terhadap Projek Pembangunan	47

SENARAI SINGKATAN

IMP BTTR	-	Pelan Induk Bersepadu bagi Kawasan Hutan Tropikal Belum Temengor
JAKOA	-	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
KTN	-	Kanun Tanah Negara
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
NCER	-	<i>Northern Corridor Economic Region (NCER)</i> Malaysia (Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara)
NCIA	-	<i>Northern Corridor Implementation Authority</i>
RMK	-	Rancangan Malaysia Ke
RPS	-	Rancangan Pengumpulan Semula
SOP	-	<i>Standard Operating Procedure</i>
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	BORANG TEMUBUAL	71
LAMPIRAN B	SURAT KEBENARAN JAKOA	76

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Negara Malaysia tidak terkecuali menerima arus pemodenan. Ini kerana bagi memenuhi tuntutan global. Pembangunan Negara jika dilihat secara kasar, adalah menyeluruh. Namun begitu, jika diteliti hingga ke kawasan pedalaman, masih terdapat masyarakat yang masih ketinggalan dan meneruskan hidup dalam serba kekurangan dan daif. Keadaan ini banyak terlihat di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli. Kebanyakan tanah hutan yang dibangunkan merupakan kawasan rayau atau sumber rezeki Orang Asli. Orang Asli telah turun-temurun mempunyai hubungan rapat dengan alam terutamanya hutan. Semasa zaman nenek moyang mereka terdahulu, mereka bebas mencari rezeki walaupun tiada hakmilik atas tanah tersebut. Berbeza dengan situasi kini, kebebasan mereka telah disekat, hak mereka umpama dirobek kerana mereka tiada hak milik. Pembangunan di hutan dijalankan dengan sewenangnyanya secara haram atau berlesen oleh pihak lain dan kebanyakannya mengabaikan nasib Orang Asli.

Definisi Orang Asli menurut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974 adalah:

- i. Mana-mana bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan egar dan kepercayaan Orang Asli, termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap Bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan ialah daripada suatu masyarakat Orang Asli atau;

- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap Bahasa Oran Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan egar dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada masyarakat Orang Asli.

Menurut Sarjit dan Mohd., masyarakat Orang Asli merupakan golongan etnik minoriti di Malaysia. Masyarakat ini terbahagi kepada tiga kelompok utama dengan 18 suku kaum. Tiga kelompok utama adalah kelompok Melayu-Proto, Senoi dan Negrito (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011). Dari segi populasi, statistik penduduk Asli Malaysia (Semenanjung Malaysia) tahun 2014 sepertimana yang direkodkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) ialah 178,197 (Sistem maklumat e-Damak JAKOA 2014). Negeri paling ramai jumlah penduduk Asli ialah Pahang (67,506) diikuti Perak 53,299. Negeri paling sedikit jumlah orang Asli ialah Kedah dengan jumlah penduduk (270 orang). Manakala mengikut suku kaum, penduduk paling ramai ialah Senoi (97,856), diikuti Melayu-Proto (75,332). Paling sedikit ialah Negrito (5,009).

Isu Orang Asli sering dibincangkan terutamanya apabila berlaku perkara yang menjejaskan budaya dan kehidupan mereka. Terdapat segelintir masyarakat yang masih menganggap mereka masih terpinggir kerana tinggal di dalam hutan. Masyarakat Orang Asli turut menerima pembangunan seperti masyarakat lain. Jiwa mereka yang dekat dengan alam sejak turun temurun menyebabkan mereka sukar untuk berada jauh dari hutan.

Pembangunan yang mereka alami hampir sama dengan masyarakat lain juga. Kemakmuran ekonomi (Ahmad Shukri & Rosman, 2003), merupakan antara definisi pembangunan. Kesan dari pembangunan dalam masyarakat Orang Asli adalah berlaku penyesuaian perubahan sekeliling dengan corak tradisi mereka yang telah mereka pegang turun temurun (Rosnon et al. 2018b). Orang Asli juga melihat pelbagai perkembangan pembangunan di sekeliling mereka. Namun begitu, alam yang tenteram yang merupakan pegangan sejak zaman datuk nenek moyang mereka telah memberi kesan kepada penglibatan mereka dalam pembangunan. Kebanyakan pembangunan

yang berlaku tidak selari dengan budaya mereka. Ini sedikit sebanyak menjejaskan kebajikan mereka. Antaranya penebangan hutan yang berleluasa bagi tujuan penanaman kelapa sawit. Kawasan hutan yang kaya dengan sumber rezeki seperti rotan dan sumber rezeki dari kayu lenyap pada kadar jumlah yang luas. Ini menjejaskan sumber pendapatan mereka. Bagi keluarga yang hanya bergantung kepada sumber ini, pastinya mereka menjadi bertambah daif. Ini mewujudkan situasi terdapat keluarga yang membangun bersama arus pemodenan dan ada masyarakat Orang Asli yang masih daif, disebabkan tidak semua menyesuaikan diri dengan pembangunan dan faktor pendidikan yang masih di tahap rendah (Hassan, 2018; Rosnon, 2014; Rosnon & Asnarulkhadi, 2018; Sarjit et al., 2010; Seow & Mohd Nur Syufaat, 2018). Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Prof Dr. Juli Edo berkata pada BERNAMA pada 28 Jun 2019, anggaran 80% daripada masyarakat Orang Asli masih dalam kumpulan pendapatan 40% terendah (B40) dan bakinya masih dalam kategori miskin tegar, walaupun pembangunan kemudahan asas diberikan kepada mereka. Orang Asli kebanyakannya tidak menolak sesuatu pembangunan, namun terdapat situasi tidak semua pembangunan sesuai dengan budaya dan cara hidup mereka tambahan pula tahap pendidikan mereka masih rendah.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan Orang Asli memerlukan 'kuasa rundingan' antara *stake holder* atau disebut pemegang taruh dan masyarakat Orang Asli (Sarjit dan Mohd). Apabila menyentuh aspek kemajuan Orang Asli, Abdul Ghafar Don et al (2019) memetik Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli bagi tahun 2011 hingga 2015. Pelan tersebut menekankan enam teras utama dalam meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup Orang Asli.

Haliza, 2010 menyatakan bahawa pembangunan mampan dapat dicapai melalui penglibatan secara langsung dengan masyarakat. Mereka perlu dilibatkan dalam setiap proses pembangunan. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ada menyatakan tentang penyertaan awam dalam isu alam sekitar. Dalam kajian beliau ke atas suku Mah Meri di Pulau Carey didapati

masyarakat Orang Asli masih kurang terlibat sama dalam projek pembangunan kerana kurang pemahaman, ilmu serta maklumat tentang sesuatu isu.

Tanah hutan yang didiami oleh Orang Asli atau menjadi kawasan sumber rezeki dijadikan alternatif kawasan yang dimajukan adalah kerana kedudukan geografi yang strategik serta kurangnya sumber tanah lain yang boleh dibangunkan. Melalui prosedur pengambilan tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, tanah-tanah hutan ini dibangunkan untuk tujuan awam antaranya kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan empangan. Pada aspek lain pula, terdapat pihak swasta yang telah mendapat kebenaran dari Pihak Berkuasa Negeri untuk membuka ladang-ladang di kawasan hutan. Pembukaan ladang-ladang ini telah mengorbankan kawasan hutan yang luas. Penebangan hutan secara haram juga menjejaskan kawasan rezeki atau disebut kawasan rayau Orang Asli.

Zaini et al. 2009 menyatakan bahawa projek Empangan Sungai Selangor memberi impak yang sangat besar kepada penduduk Orang Asli di Kampung Gerachi dan Kampung Pertak. Projek tersebut telah mengorbankan tanah dusun dan hasil hutan yang merupakan sumber rezeki mereka. Kawasan yang menjadi penempatan semula telah menjadi masalah baharu kerana tidak sesuai dengan budaya mereka. Sekiranya mereka dilibatkan awal dan sepanjang tempoh pelaksanaan projek, berkemungkinan masalah ini dapat diminimakan atau tidak timbul masalah ini.

Orang Asli merupakan pihak yang berkepentingan seperti yang dinyatakan oleh Mirovitskaya dan Ascher (2001) oleh itu, akan menerima impak akibat dari kemajuan agen pembangunan antaranya Kerajaan dan swasta. Majlis Pembangunan Dunia Bagi Pembangunan Mampan (2003) juga menyatakan Orang Asli juga terkesan oleh program entiti pembangunan.

Penglibatan masyarakat peribumi dalam projek pembangunan memberi banyak manfaat kepada pelbagai pihak. Komunikasi antara agen pembangunan dan penduduk setempat terutamanya Orang Asli dapat menggalakkan perkongsian pelbagai kemahiran. Ini kerana masyarakat Orang Asli mempunyai hubungan rapat dengan alam maka dapat membantu agen pembangunan melaksanakan pembangunan

yang dapat meminimalkan pencemaran alam serta risiko tanah runtuh atau pembinaan atas struktur yang tidak stabil. Gabungan ilmu moden dan ilmu alam sekiranya digandingkan akan dapat mengelakkan risiko pembinaan semula struktur yang runtuh dan ini dapat membantu menjimatkan kos pada jangka masa panjang.

Keberkesanan corak penglibatan semua pihak terutama masyarakat peribumi dapat membantu kelestarian sesuatu kawasan. Ini kerana sekiranya Orang Asli diberi maklum lebih awal berkenaan sesuatu projek pembangunan dan sekiranya mereka memahami objektif projek tersebut, mereka akan menjadi tulang belakang yang kuat dalam mendokong hasrat Kerajaan untuk memastikan pengekalan ekologi alam di tahap yang tertinggi. Kelestarian ini diperlukan bagi memastikan pembekalan sumber asli yang berterusan antaranya sumber air yang berkualiti, kenyamanan udara serta pengekalan struktur tanah yang baik. Oleh itu, adalah penting melibatkan mereka dalam aspek antaranya penggubalan rangka kerja, pelaksanaan, kajian semula dan pelbagai peringkat lain.

Kegagalan melibatkan Orang Asli dalam projek pembangunan dengan cara yang bersesuaian akan mencetuskan perbalahan yang tidak berkesudahan antara pelbagai pihak antaranya pemimpin dan masyarakat peribumi di samping agen pembangunan. Ini kerana terdapat projek pembangunan yang mencemarkan sumber air mereka iaitu sungai dan kesan dari tanah runtuh. Terdapat pembangunan yang menyebabkan mereka bukan sahaja kehilangan kawasan rayau sumber rezeki mereka, malah dituduh dan disaman oleh mahkamah atas sebab menceroboh. Kelemahan pada undang-undang menyebabkan mereka tidak mempunyai hak milik atas kawasan rayau dan sekiranya diberi pampasan kebajikan mereka tidak terjamin sepenuhnya.

Mengekalkan tanah hutan yang menjadi sumber rezeki kepada Orang Asli sejak turun-temurun dianggap sebagai tanah adat. Bagi memastikan kesinambungan generasi Orang Asli, mereka mengharapkan sumber yang berterusan. Pembangunan oleh agen pembangunan memberi kerisauan kepada mereka kerana risiko pengurangan sumber asli tersebut. Oleh itu, mereka juga sangat berharap sekiranya mereka dapat mengekalkan tanah adat tersebut. Azima at al (2016) mendedahkan antara cabaran mengekalkan tanah adat adalah proses persempadanan, pencerobohan, kadar ganti

rugi, penglibatan masyarakat dalam projek kemajuan, tidak bersatu padu, pertelingkahan sesama mereka atau suku.

1.3 Matlamat Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk mengkaji penglibatan masyarakat Orang Asli dalam projek pembangunan komuniti di sekitar pembangunan *One Stop Centre* di Bawong, Sungai Siput (U), Perak.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti permasalahan penglibatan Orang Asli dalam projek pembangunan tanah
- ii. Mengkaji faktor halangan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam projek pembangunan di Kampung Bawong, Sungai Siput Utara, Perak.

1.5 Skop Kajian

Untuk kajian ini skop kajian telah ditetapkan dalam ruang ini bagi membolehkan objektif kajian dicapai. Batasan skop ini dibentuk disebabkan faktor kekangan kewangan, tenaga, masa yang terhad. Skop Kajian difokuskan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- a. Kajian ditumpukan kepada kawasan pembangunan di dalam daerah Sungai Siput, Negeri Perak.
- b. Projek pembangunan di sekitar kawasan Bawong, Sungai Siput (U), Perak

Kajian ini memfokuskan kepada Orang Asli, pihak swasta dan Kerajaan yang terlibat membangunkan kawasan di Sungai Siput yang telah mewujudkan pembangunan di kawasan Bawong

1.6 Kepentingan Kajian

Pembangunan pelbagai infrastruktur di kawasan Orang Asli telah memberi impak kepada masyarakat tersebut kerana telah mengurangkan kawasan dusun yang merupakan sumber utama punca pendapatan mereka. Kajian berkaitan faktor halangan penglibatan Orang Asli dalam projek pembangunan dapat membantu memperbaiki situasi semasa yang mempunyai lompong komunikasi antara Orang Asli dengan agen pembangunan iaitu Kerajaan dan pihak swasta. Pendekatan pembangunan ini akan memberi manfaat pelaksanaan dan rujukan bagi pihak-pihak seperti berikut:

1.6.1 Pihak Pelaksana

Pihak Pelaksana adalah termasuk Institusi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Manfaat dari kajian ini dapat membantu pelbagai pihak mengenalpasti cara terbaik dalam memastikan corak pembangunan yang lestari. Ini kerana dengan memahami corak perhubungan yang unik dalam masyarakat Orang Asli dapat mengatasi pelbagai halangan yang ditempuh sebelum ini apabila memajukan sesuatu kawasan hutan yang didiami Orang Asli. Pembangunan dalam kawasan hutan tetap perlu diteruskan bagi memastikan kelangsungan hidup semua rakyat. Oleh itu, melalui kerjasama erat antara agen pembangunan dan Orang Asli dapat membantu pembangunan tersebut lestari dan meminimalkan kerosakan alam. Perkongsian pengetahuan Orang Asli yang sangat mendalam dalam ilmu alam dapat mencetuskan idea bagi menambahbaik kualiti pembangunan yang turut memenuhi keperluan

penduduk tempatan dan mengelakkan dari berlaku 'projek gajah putih'. Di samping itu, gabungan antara sains dan teknologi agen pembangunan dan kemahiran penduduk tempatan dapat meminimalkan kos kerosakan dan menjimatkan perbelanjaan pembaikan untuk jangka panjang.

1.6.2 Syarikat pembangunan

Kajian ini dapat menyediakan pihak swasta maklumat halangan dan peluang dalam pembangunan di kawasan hutan atau yang didiami oleh Orang Asli. Maklumat ini juga dapat membantu menjimatkan kos untuk jangka panjang kerana mereka dapat memahami corak perhubungan dengan Orang Asli dan seterusnya mereka boleh adaptasi dalam projek pembangunan mereka. Melalui jaringan hubungan ini apabila telah dibina dengan baik dari peringkat awal perancangan dan dikekalkan hingga pasca pembangunan, dapat menggarap pelbagai kemahiran Orang Asli yang menjadi pegangan turun temurun dan tidak dijumpai dalam buku teori. Pengetahuan melalui pengalaman membolehkan sesuatu projek pembangunan lestari dan bertahan lama kerana selari dengan kehendak alam. Pembangunan yang bercanggah dengan peraturan alam akan menyebabkan lebih banyak kemusnahan dan pencemaran alam seterusnya menimbulkan perasaan amarah di kalangan Orang Asli. Orang Asli masih bergantung pada sumber asli untuk meneruskan hidup. Ini kerana masyarakat peribumi mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan alam sekitar.

1.6.3 Orang Asli

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat peribumi untuk mengetahui hak mereka, menyalurkan ketidakpuasan hati dan aduan dengan lebih berkesan. Kesedaran dan pengetahuan untuk terlibat dari peringkat awal dengan agen pembangunan akan mewujudkan hubungan erat dengan semua pihak antaranya pemimpin masyarakat, daerah, negeri dan pihak swasta. Mereka juga dapat mengetahui peluang-peluang pekerjaan yang dapat membantu sosioekonomi dan peningkatan corak hidup yang lebih baik.

1.6.4 Orang ramai, pembaca dan pengkaji yang lain

Kajian ini sangat memberi manfaat kepada orang ramai agar lebih sensitif dengan nilai-nilai dalam sesuatu masyarakat yang berlainan etnik. Di samping itu, mereka juga dapat mengetahui halangan-halangan dan cara penyelesaian apabila berhadapan dengan sesuatu isu terutamanya dalam aspek pembangunan komuniti dan alam sekitar terutamanya yang melibatkan kawasan hutan.

1.7 Metodologi Kajian

Penulisan laporan ini disusun mengikut satu pelan kerja yang teratur bermula dari mengenal pasti tujuan dan permasalahan yang hendak dikaji supaya menjadi jelas dan diikuti pengumpulan data, penganalisan data, rumusan serta cadangan-cadangan berkaitan dengan penyelesaian masalah kajian ini. Bagi kajian ini, kaedah kajian tinjauan akan dilaksanakan bagi mengumpul data dan maklumat. Data primer akan diperolehi secara terus dari subjek kajian dan responden. Seramai lapan (8) orang responden dipilih iaitu tiga (3) orang Tok Batin dan lima (5) Orang Asli dari kampung sekitar Bawong, Sungai Siput (U), Perak. Kajian kaedah ini dilihat bersesuaian kerana proses pengumpulan data kajian tidak memerlukan tempoh masa yang panjang. Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan mengenalpasti faktor halangan dan cara mengatasi halangan penglibatan Orang Asli dalam projek pembangunan di Bawong, Sungai Siput (U), Perak. Kajian ini merangkumi empat (4) peringkat seperti berikut:

1.7.1 Peringkat Perancangan, Kajian Awalan dan Teorikal

Peringkat awalan kajian melibatkan perancangan kajian, perjumpaan dan perbincangan bersama penyelia projek bagi pemilihan/ pengesahan tajuk penulisan, pengenalpastian masalah, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian. Peringkat ini juga, maklumat dan data-data berkaitan kepentingan tajuk kajian diperolehi dari agensi-agensi berkaitan untuk menekankan permasalahan yang timbul dan kepentingan untuk kajian lanjut dibuat terhadap tajuk yang dipilih. Bahan-bahan rujukan dan juga penemuan hasil kajian sarjana terdahulu dikumpul berkaitan tajuk

